

SYAIR GILA EKOR

III- Penutup

(Oleh Ahmad Husin)

130. Ku dengar lagi beberapa kisah,
Menzahirkan sifat orang yang lemah,
Mendengar cakap terlalulah mudah,
Menurut sahaja segala telatah.
131. Sukalah orang yang banyak helah,
Untunglah sekalian kaum penjarah,
Orang yang bodoh boleh diperah,
Tidak selamat rumah dan tanah.
132. Sebelum hantu memikat mangsa,
Banyak orang suka bekerja,
Mencari nafkah seperti biasa,
Nafkah yang halal tidak berdosa.
133. Timbul sahaja permainan bencana,
Umpaan bayangan hantu celaka,
Terbitlah perkara berbagai aneka,
Puncanya khayal akhirnya bala.
134. Mengejar umpan bayangan hantu,
Nafkah yang halal terkorbanlah tentu.
Harta pun banyak tersapu.
Payah kembali seperti dahulu.
135. Ku dengar lagi cerita yang sedih,
Dari datuk yang beruban putih.
Darihal orang yang sangat ketagih.
Penyakitnya teruk susah dipulih.
136. Ada seorang dikatakan konon,
Berkhidmat sebagai seorang dukun,
Nafkahnya banyak badan pun tembun,
Sentosa hidup bertahun-tahun.
137. Tetapi hantu banyak merayap,
Si Dukun yang tembun hendak didakap,
Lemak yang banyak hendak dipelahap,
Darah bergantang hendak dihisap.
138. Si Dukun melihat umpan terhuler,
Terbukalah nafsu yang masih kebulur,
Umpaan dikejar tidak berundur,
Mata yang terang menjadi kabur.
139. Badan yang tembun menjadi surut,
Darahnya banyak hantu menyedut,
Kulit yang tegang menjadi kedut,
Muka yang lebar pucat dan kecut.
140. Demikianlah Si Dukun berubah sifat,
Mengejar ekor yang ada bersengat,
Sengat menikam hilanglah semangat,
Si Dukun pula berpenyakit tenat.
141. Sebelum Si Dukun gila ekor.
Rumah Si Dukun cukuplah makmur,
Makanan banyak ada di dapur,
Hal perkara cukup teratur.

142. Masuk mengikut permainan Iblis,
Aman sentosa lenyaplah habis.
Rumah seperti badan berkudis,
Menanggung kesakitan hati menangis.
143. Rumah Si Dukun habislah rahmat,
Habislah Si Dukun maruah martabat,
Sedih dan pilu kaum kerabat
Lenyap banyangan tinggal hakikat.
144. Ada lagi satu cerita,
Yang ku dengar diceritakan datuk,
Sedihnya itu tidak terkira,
Celakalah sungguh hantu yang kutuk.
145. Tidak dikira kaya dan miskin,
Baik di bandar atau di kampung,
Semuanya itu hendak dimain,
Tua dan muda hendak dikepung.
146. Jika dibiarkan hantu merasuk,
Gelaplah akal cahaya yang terang,
Jiwa yang sihat menjadi mabuk,
Benda di tangan terbang melayang.
147. Kisahnya itu begini ku dengar,
Datuk yang salah berjalan ke pasar,
Harinya pagi terang bersinar,
Nampaknya dunia cergas dan segar.
148. Ada orang baharu kembali,
Dari pasar menjual membeli,
Membawa balik nafkah dan rezeki,
Bakul di tangan semua berisi.
149. Setengahnya pula baharu pergi,
Memakai kereta berjalan kaki,
Membawa ayam, itik dan ubi,
Di pasar bertemu untung dan rugi.
150. Lalulah kereta, lalulah orang,
Ke pasar berjalan datuk yang salih,
Mata yang tajam di hadapan terpandang,
Seorang umat yang nampaknya letih.
151. Dilihat umat duduk bertingggung,
Umat memakai kain kelumbung,
Lakunya seperti orang termenung,
Di hadapan terletak bakul yang kosong.
152. Apa sebabnya duduk demikian,
Seorang diri tidak berteman,
Sakitkah ia di tengah jalan,
Atau menunggu datangnya kawan?
153. Hampirlah datuk perlahan-lahan,
Dilihatnya umat orang kenalan,
Umat tepat memandang ke depan,
Tidak menoleh kiri dan kanan.
154. Duduklah umat tidak bergerak
Tidak mendengar anjing menyalak,
Orang di jalan memakai terendek
Matanya memandang dilihat tidak.
155. Tentulah ada suatu sebab,
Umat duduk termenung demikian,
Tegur datuk tidak dijawab,
Datuk yang salih orang kenalan.

156. Datuk pun hampir lebih dekat
Mengangkat suara lalu menegur,
Baharulah sedar nampaknya umat,
Selaku orang terjaga tidur.
157. Bertanyalah datuk orang budiman,
Mengapa termenung di tepi jalan,
Adakah ia ditimpa kesakitan,
Atau berhenti penat berjalan?
158. Jawab umat yang duduk termenung,
Bukanlah kesakitan ia menanggung
Bukanlah letih datang mendorong,
Tetapi hati fikiran sudah terbingung.
159. Memandang ia bakul yang kosong,
Tidak berisi ikan dan jagung,
Jauhlah rasa rumah dan kampung,
Kerana hati sudah terpesong.
160. Berceritalah umat kepada datuk,
Bagaimana ia telah diketuk,
Di tengah jalan telah dirasuk,
Oleh kaki hantu yang kutuk.
161. Di tengah jalan kaki menegur,
Memujuk umat menikam ekor,
Jangan peduli ikan dan sayur,
Mengadu untung janganlah undur.
162. Kata kaki yang petah bertutur,
Rezeki banyak ada bertabur,
Lebih berganda ikan dan sayur,
Mewahlah umat tidak kebulur.
163. Terasuklah umat hati pun kabur,
Sangkanya hidup haruslah makmur,
Wang di tangan lalu dihulur,
Ke dalam bencana ia tercebur.
164. Seballah hatinya apabila terkenang,
Wang di tangan lenyap melayang,
Hidung pun berair mata berlinang,
Rezekinya sudah disambar helang.
165. Bakul di hadapan ia memandang,
Rasa hatinya sunyi dan lengang,
Gamakkah ia membawa pulang,
Bakul yang kosong tidak berbarang?!
166. Belaslah datuk tidak terperi,
Kepada umat bantuan diberi,
Kepada hantu terlalulah benci
Hantu yang ganas tidak berhati.
167. Sekianlah cerita yang diriwayatkan datuk,
Darihal permainan hantu yang kutuk,
Helahnya banyak tujuan merasuk,
Terpedayalah orang yang berakal suntuk.
168. Apakah bayangan, apakah hakikat,
Di mana manfaat, di mana mudharat,
Mencari yang baik mengelakkan yang jahat,
Ialah rahsia kehidupan yang berkat.
169. Segala zaman mengandungi riwayat,
Tidak kecuali di serata tempat,
Banyaknya makhluk di jalan tersesat,
Sebab tiada iman ibadat.

SURAT AKUAN

H.M.D. al-Hamidi,

170. Gila ekor satu contoh,
Orang terasuk menjadi bodoh,
Berkelakuan buta tidak senonoh,
Akhirnya diri juga mengeluh.

171. Tetapi gila bukanlah satu,
Banyaknya itu sudahlah tentu,
Berbagai sifat jenis dan suku,
Sehingga makhluk habis terharu.

172. Perangkap gila mesti dielak,
Jalan yang sihat elok digalak,
Kuatkan semangat tahan didesak,
Teguhnya iman, amal dan akhlak.

Tamat.

146 Pasir Emas, Kelantan mengucaplam
syukur ke hadrat Ilahi dan berbanyak-banyak
terima kasih kepada Tuan tabib yang
tersebut di bawah ini kerana menyembuhkan

penyakit buasir yang saya telah hidapi selama lebih kurang 25
tahun buasir saya telah digugurkan dengan tak payah dipotong
dan tidak berasa sakit dalam tempoh 12 hari sahaja.

Yang demikian saya syorkan kepada saudara-saudara sekalian yang ada
mengidap penyakit ini, silalah datang berjumpa dengan segera
kepada tabib tersebut Inshā Allāh akan memuaskan. Yang benar
30.11.54

H.M.D. al-Hamidi,



Tabib H.G. Mustaffa,
Punjab Medical Hall
380, Victoria Street, SINGAPORE 7.



*Istana Sultan Deli yang terletak di jalan istana, sekarang hanya merupakan sebuah
gedung besar dan sesekali dikunjungi orang kerana hendak melihat
kandungannya sebagai kenangan sejarah.*